

	Muka
Khotbah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Di Istiadat)	1
Sembahyang Hari Raya I'dil Fitri Di Bandar Brunei)	
Lawatan Panglima Agong Tentera Laut Diraja British Ka Brunei	4
Pemangku Juru Iring DYMM Sultan	5
Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei Ka United Kingdom	5
Pesuruh Jaya Perniagaan Kerajaan Australia Melawat Brunei	5
Anggota Rumah Sakit Kerajaan Brunei Ka U.K.	5
Penuntut Brunei Ka Maktab Pertanian Di Malaya Balek Ka Brunei	6
Perchobaan Pejabat Pertanian Membunoh Semut2 Yang Membinasakan Pohon2	6
Pembukaan Sekolah2 Baharu Oleh DYMM Sultan	7
Nasehat Kapada Orang2 Yang Maseh Berubat Di Rumah Sakit	8
Pinjaman2 Perkembangan Negeri Brunei	90
Pemberian Wang Dari Kerajaan Kapada Sekolah2 Di Brunei	10
Istiadat Berbaris Menyambut Hari Jadi Baginda Queen	10
Undang2 Baharu Majlis Ugama Dan 'Adat Istiadat Brunei	11
Kapal Perang Tentera Laut Diraja British H.M.S. Dampier) Melawat Brunei)	12
Jambatan2 Yang Baharu Di Brunei	12



Tahun 1. No. 7.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

16th MAY, 1956.

KHOTBAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEI DI ISTIADAT

SEMBAHYANG HARI RAYA I'DIL FITRI DI BANDAR BRUNEI

Suatu Khotbah yang menarek hati telah dilafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin di Istiadat Sembahyang Hari Raya I'dil Fitri yang telah dilansongkan di Padang Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 12 May, 1956 dengan dihadziri oleh kira2 2,500 orang2 Islam.

Pati2 Khotbah Duli Yang Maha Mulia itu k i t a peturunkan dengan sapenohnya saperti dibawah ini :

" Allahu-akbar, pada hari ini seluroh kaum Islam, lelaki perempuan, tua dan muda, hina dan mulia, sarendah2 Pegawai hingga satinggi2 Pegawai dari segala lapisan umat Islam diseluroh dunia menyambut akan hari yang baik, bulan yang baik i n i dengan penoh semangat yang riang dan gembira serta wajjah yang berseri2 dengan menggemurohkan takbir Allahu-akbar , sebagai tanda bershukor, tanda membesarkan dan memuliakan Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Asa.

" Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar. Hari ini kita menyambut Hari ini kita menyambut Hari Raya I'dil Fitri dengan gembira, dengan penoh shukor kahadzrat Allah Ta'ala, oleh kerana kita telah menang dalam perjuangan mengalahkan hawa yang pantang karendahan, nafsu yang tidak tahu kekurangan, kemenangan itu kita peroleh dengan mengerjakan puasa genap sabulan lamanya.

" Kedatangan bulan baik, hari baik, kita tunggu dengan takwa kapada Allah sambil mengerjakan 'amal ibadat sembahyang melaongkan suara takbir Allahu-akbar dan kita terima dengan shukor, dengan pakaian yang indah2 serta bauan2, adalah tanda kemenangan orang yang berpuasa yang amat berbahagia dan barkat.

" Akan tetapi, nikmat Hari Raya ini bukan hanya dirasai oleh orang yang berpuasa sahaja, malahan mereka yang tidak mengerjakan puasa, dengan tidak ada satu halangan muktabar menurut shara' juga turut merasa gembira dan menyambut Hari R a y a ini. Satengah2nya, sambutan mereka lebih mewah dan lebih riang dari orang2 yang berpuasa. Mereka tidak sedikit pun merasa malu dan insaf didalam perjuangan yang mereka tidak ikut bersama. Akan tetapi, setelah mendapat kemenangan mereka turut menang dan tidak sudi ketinggalan merasa nikmatnya. Mereka mahu nangjanya, tetapi tak mahu getahnya. Mereka yang chuma mahu kemewahan dan kelazatan, tetapi tidak mahu turut mengalami pahit dan getir perjuangan itu, diibaratkan oleh Tuhan dalam Surat Tuboh, Ayat delapan puloh satu dengan firmanNya yang erti:

" Bergembiralah mereka ...

" Bergembiralah mereka yang tidak turut mengambil bahagian itu pada tempat kedudukan mereka. Mereka menyalahi Rasulullah Allah dan merasa berat untuk berjihad dengan harta dan diri mereka pada jalan Allah dan kata mereka janganlah ikut berangkat didalam panas, katakanlah api nuraka jahanam lebih panas lagi jika mereka mengerti.

Kapada golongan yang serupa itu, kami serukan marilah kita bersama bahu membahu saling mengerti bekerjasama, terapong sama hanyut terendam sama basah, mudah2an kita dengan Azan Allah akan dapat menegakkan kalimat surohan Allah Subhanahu Wata'ala.

" Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar Walillah Ilhamd. Wahai kaum Islam, dewasa kita mengerjakan upacara ibadat pada hari Raya ini, Tuhan memperlihatkan beberapa perkara yang penting antaranya terdapat rasa persatuan dan perasaan tadi setiap hari samalam lima kali kita diwajibkan mengerjakan sembahyang itu berjema'ah bersama yang bererti mengikat tali persatuan itu dan dari sana saminggu sakali kita sembahyang Juma'at di Masjid, bererti lebih ramai lagi kita berjema'ah dan dari sa Juma'at ka sa Juma'at kita kerjakan sahingga hari ini kita merupakan satu persatuan dan rasa yang lebih riang dan lebih nikmat.

" Kita sembahyang Hari Raya bersama2 dengan tidak mengindahkan perbedza'an hidup kita hari ini, dapatlah kita menyaksikan dan merasa kebenaran pertunjuk Allah itu dan mudah2an dengan Ilham Tuhan ini akan dapat kita 'amalkan dengan penuh keyakinan bahawasanya tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad itu sabenar2nya Pesuruh Allah.

" Mu'siral Muslimin, puasa yang baharu sahaja kita tunaikan, menahan lapar dahaga melawan hawa nafsu itu adalah buat menghidupkan rasa rahmat dan rasa shafa'at kapada sesama manusia, terutama sekali fakir miskin dan anak2 yatim.

" Rasa belas kasehan chinta mesra yang telah ditumbuhkan oleh 'amalan puasa didalam jiwa umat Islam itu akan dapat kita ketahui pada hari yang mulia ini. Tidak dapat disangkal oleh sesiapa jua yang menginsafi hikmat dan rahsia ibadat Islam bahawa puasa itu di shara'atkan untuk menghidupkan rasa kemahuan menegakkan masharakat bantu membantu dalam diri umat Islam yang mengerjakan puasanya. Perasaan yang sademikian itu, perasaan tolong menolong dengan ikhlas dalam perkara kebajikan memang diredza'i Allah.

" Mudah2an dengan Azan Allah, dengan menginsafi surohan Allah Ta'ala akan dapat kita lihat nanti umat Islam akan memperhatikan kepentingan2 fakir miskin dan mudah2an akan kita dapati perbendahara'annya untuk menegakkan muslihat umom, muslihat ugama, bangsa dan tanah ayer kita. Harapan ini mudah2an akan timbul, jika umat Islam melakukan sabenar2 puasa yang diredza'i Allah.

" Sebagai bukti bahawa kita telah memperoleh kesuchian bathin dari ibadat puasa dan sebagai tanda bahawa kita telah bersedia untuk membuat kebajikan dan melakukan ihsan, itulah faedahnya pada pagi2 Hari Raya ini kita diperentahkan memberi fitrah bagi menolong ahli2 masharakat yang perlu kapada pertolongan kita. Hal ini dapat kita benarkan mengikut firman Allah yang bererti :

" Sasungguhnya telah berkemenangan segala yang mengeluarkan zakat fitrah dan menyebut nama Allah dan bertakbir dan bersembahyang Hari Raya.

Allahu-akbar,...

" Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar Walillah Ilhamd. Kaum Islam yang sedang beribadat Hari Raya, umat Islam yang sedang beriman, janganlah bermegah2 kerana kechanteakan warna dan pakaian mu, tetapi bershukorlah kamu kepada Allah kerana pandai memakai dan menggunakan pakaian itu. Demikianlah dengan hal kita disini ugama. Tidaklah disuruh kita bermegah2 kerana kita berugama Islam, tetapi bershukorlah kita kerana dapat menunaikan perintah dan menjauhkan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

" Pada Hari Raya I'dil Fitri ini salepas dari kita berjema'ah di Padang besar dengan merupakan satu kumpolan umat Islam yang kukoh kuat dan membuktikan kata'atan kita kepada Allah, sedikit masa lagi kita bersalam2an, mohon ampon ma'af diantara satu dengan lain dan seterusnya kita akan dapat ziarah menziarahi karumah ibu bapa, sanak saudara, sahabat handai kita sebagai tanda kaikhlasan yang telah di Ilham kan oleh Tuhan yang kita berbuat demikian. Sambil bersalam2an, berma'af ampun, halal menghalalkan, kita akan bersenda gurau menunjukkan keriangian di Hari Raya. Kita akan menjamu dan dijamu, meminum dan diberi minum, dalam hal keriangian kerana keshukoran yang serupa ini.

" Mudah2an dengan nikmat pengajaran dewasa kita mengerjakan puasa itu akan melorongkan kesuchian yang sabenarnya kepada kita.

" Janganlah hendaknya terdapat kaum Islam salepas berziarah karumah2 sahabat handai, salepas berma'af2an, salepas bershukor kepada Allah kerana rahmatnya, sekembalinya sahaja daripada yang berlebih2an ria, berjalan terhoyong hayang, bernyanyi disapanjang jalan, muntah ditengah2 jalan, terbaring dilongkang2 jalan, pening kerana mabok minum minuman yang memabokkan yang dihidangkan dimeja2 Hari Raya kerana bermegah2 dan dengan tidak segan2 dan takut kepada larangan ugama Islam.

" Ya Allah, mudah2an terjauhlah kita umat Islam dari perbuatan yang melanggar larangan Tuhan dan Undang2 Ugama kita di Negeri ini. Ingatlah wahai umat Islam :

" Bahawasanya Allah Ta'ala menyuruh kamu berbuat 'amal dan kebajikan dan memberi kepada saudara2 kamu dan ditegahnya kamu daripada berbuat ma'siat dan kejahatan dan menderhaka.

" Diberinya amaran kepada kamu, mudah2an kamu ingat wahai kaum Islam, bertakhwalah kepada Allah, berdirilah dijalan yang benar, bersatulah pada jalan kebajikan bagi kemuliaan Ugama dan Tanah Ayer kita. Bersatulah, bermufakatliah untuk kebahagiaan bangsa dan ugama Islam. Mudah2an kita akan beroleh nikmat dan dibarkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

" Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar, Allahu-akbar Walillah Ilhamd. Sasungguhnya berbahagialah dan beruntunglah umat Islam yang telah mensuchikan bathinnya menyebut dan mengenang akan Tuhannya serta tegap melaksanakan ibadat sebagai tanda menghambakan diri kepada Allah yang tidak berhenti2 menchuchorkan dan melimpahkan nikmat kepada segala hambanya. Dalam kita sedang riang dan bershukor menyambut Hari Raya ini, haruslah kita masukkan kadalam hati dan jantung kita masing2, bahawa pekerjaan kita untuk kamulia'an Ugama Allah belumlah selesai. Dari itu, marilah kita mengikut jejak langkah Junjongan kita Nabi Muhammad Sallallah Alaihi

Waalihi Wasallam ...

Waalihhi Wasallam, dan mereka2 yang telah bekerja kerana Allah dan kita pohonkan do'a kahadzrat Allah moga2 rahmat Allah akan meliputi mereka dan meliputi kita sekalian yang tengah menyambut dan merayakan I'dil Fitri yang berbahagia dan mulia ini.

" Hai segala hamba Allah, takut kamu akan Allah dimulai pada hari ini dengan takbir. Janganlah kamu sudahinya dengan dosa kerana hari ini hari yang mulia. Diwajibkan bagi kamu makan dan minum dan diharamkan diatas kamu puasa. Dziarahlah kamu padanya segala kubur saudara kamu dan hubungi segala rahim kamu dengan ikhlas hati kamu dan janganlah kamu kerumun kepada Khatib menekala selesai Khotbahnya seperti mengerumun lalat kepada manisan tiada disuruh yang demikian itu dan menyuruh Allah akan kamu dengan suruhan memulai ia dengannya dan mengikut dengan dia melaincannya yang suci iaitu membaca Salawat dan Salam kepada Nabi Allah Alaihi Wasallam ".

LAWATAN PANGLIMA AGONG TENTERA LAUT DIRAJA BRITISH

KA BRUNEI

Admiral Sir Scott-Moncrieff (Sir Alan K. Scott-Moncrieff, K.C.D., C.B.E., D.S.O., Panglima Agong Tentera Laut Diraja British di Pusat Timor Jauh) dan Lady Scott-Moncrieff, dijangka akan tiba di Padang Terbang Anduki, Seria dengan kapal udara jenis " Valetta " dari Singapura pada pagi hari Juma'at 25 May, 1956. Beliau2 itu akan diiringkan oleh saorang Laksemana Tentera Laut Diraja British di Pusat Timor Jauh.

Sir Alan Scott-Moncrieff serta ahli2 rombongannya akan melawat Seria selama sahari sahaja dan kemudian akan tiba di Brunei dengan kapal udara kepunyaan Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company, Seria.

Sir Alan Scott-Moncrieff akan disambut dengan Barisan Kehormatan terdiri dari Ahli2 Pasokan Police Brunei ketika tiba di Padang Terbang Berakas dan beliau akan memeriksa Barisan Kehormatan itu. Beliau akan ditemui oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan dan oleh Ahli2 Majlis Maishuarat Negeri Brunei.

Kemudian Sir Alan Scott-Moncrieff dan ahli2 rombongannya akan melawat ka Istana Darul Hana untok mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin.

Pada malam itu suatu Majlis Jamuan Minum akan diadakan di Rumah Yang Berhormat British Resident, Brunei kerana mera'ikan lawatan Sir Alan Scott-Moncrieff ka Negeri ini.

Sir Alan Scott-Moncrieff dijangka akan melawat Muara pada 27 May dan pada 28 May akan berangkat ka Lutong, Miri, Sarawak bersama2 dengan ahli2 rombongannya.

Beliau2 itu akan berada di Miri hanya sahari sahaja sebagai tetamu kepada Resident Bahagian Yang Kaempat Negeri Sarawak, Mr. W.S.D. Buck. Salepas itu, mereka akan balek ka Singapura dengan kapal udara melalui Padang Terbang Anduki.

PEMANGKU JURU IRING KAPADA DYMM SULTAN

Pengiran Anak Omarali bin Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman telah dilantek menjadi Juru Iring ("A.D.C.") kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, menggantikan Inche' Abbas bin Haji Ibrahim yang pada masa ini sedang mempelajari Kursus Pertadbiran atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei di United Kingdom selama enam bulan.

Sabelum memegang jawatannya yang baharu itu, Pengiran Anak Omarali telah berkhidmat di Pejabat Tanah, Bandar Brunei.

PESUROH JAYA BUROH NEGERI BRUNEI KA UNITED KINGDOM

Mr. D.B. Petherick, Pesuroh Jaya Buroh Negeri Brunei telah berangkat ka United Kingdom pada awal bulan May ini kerana menyampornakan chuti panjang. Beliau dijangka akan tiba balek ka Brunei pada 19 November tahun ini.

Semasa berada di United Kingdom, Mr. Petherick akan menghadziri Persidangan kesemua Ketua2 Pejabat2 Buroh dari Negeri2 Jajahan Ta'lok British yang akan dilansongkan di London pada pertengahan bulan July.

Beliau juga dijangka akan menghadziri Kursus Buroh yang akan diadakan dibawah anjoran Kementerian Buroh di London pada penghujung bulan August dan kemudian akan menghadziri satu lagi Kursus Buroh disabuah wilayah di England.

PESUROH JAYA PERNIAGAAN KERAJAAN AUSTRALIA MELAWAT BRUNEI

Mr. H.M. Le Marchand, Pesuroh Jaya Perniagaan Kerajaan Australia bagi Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu, dan juga saorang pakar dalam hal ehwal perniagaan akan melawat Negeri Brunei dengan kapal udara dari Singapura pada hari Thalatha, 22 May, 1956.

Inilah julong2 kali lawatan beliau ka Brunei samenjak memegang jawatannya yang baharu itu sedikit hari dahulu.

Mr. Le Marchand akan ditemui oleh Penyimpan Wang Negeri Brunei, Mr. R.H. Morris pada masa beliau tiba di Padang Terbang Berakas. Beliau akan berada di Bandar Brunei hingga hari Khamis 24 May dan kemudian akan berangkat ka Seria dimana beliau akan tinggal hanya sahari sahaja sabelum berangkat balek ka Singapura.

ANGGOTA RUMAH SAKIT KERAJAAN BRUNEI KA U.K.

Mr. Andrew Fong, saorang " X-Ray Technician " yang bekerja di Rumah Sakit Kerajaan, Bandar Brunei telah dipilih

oleh Kerajaan ka ...

oleh Kerajaan ka United Kingdom untuk menyambungkan latehan-nya dalam bahagian " Radiography ".

Mr. Fong telah dilahirkan di Labuan, tetapi telah tinggal di Brunei samanjak 21 tahun yang lalu dan dalam masa itu beliau telah berkhidmat dalam Pejabat Perubatan Negeri ini. Beliau akan berangkat ka Singapura pada 18 August tahun ini dan dari sana akan berlepas ka United Kingdom dengan kapal udara.

Beliau akan menghadziri kursus tersebut selama enam bulan. Kursus itu akan diadakan dibawah anjoran kerjasama diantara Persekutuan Mencheegah Penyakit Batok Kering dan sebuah Sharikat di England.

Mr. Fong akan menggunakan kebanyakan daripada masanya ia berada di United Kingdom melawat rumah2 sakit dan mempelajari berbagai2 perkara mengenai pekerjaan " X-Ray ". Beliau juga akan menghadziri kursus mengenai Penyakit Batok Kering dan melawat ka beberapa tempat2 yang mustahak.

PENUNTUT BRUNEI KA MAKTAB PERTANIAN DI MALAYA

BALEK KA BRUNEI

Inche' Ranek bin Maludin, bekas Anggota di Pejabat Pertanian di Daerah Temburong, Brunei telah balek ka Brunei dari Malaya dimana beliau telah mempelajari Kursus Pertanian Bahagian Permulaan ("Junior") selama satahuan di Maktab Pertanian Serdang, Selangor.

Pada masa ini Inche' Ranek sedang bekerja sebagai "Agricultural Field Inspector" di Pusat Pertanian Birau, di Daerah Temburong.

PERCHOBAAAN PEJABAT PERTANIAN

MEMBUNOH SEMUT2 YANG MEMBINASAKAN POHON2

Pejabat Pertanian Negeri Brunei baharu2 ini telah menggunakan sajenis ubat dinamakan " Dieltrin " bagi membunuh semut2 yang membinasakan pohon2, terutama sekali pohon2 Pulasan, Rambutan, Kapok, Jambu dan Kopi.

Ubat tersebut disapukan diatas pohon2 itu saluas kira2 12 inchi keliling batangnya. Ubat itu akan tahan selama kira2 satu minggu sebelum ia luntur bilamana mustahak pula diulangi lagi dengan menyapu ubat itu samula.

Perchobaan tersebut telah dijalankan di Pusat Pertanian di Kilanas dengan beroleh hasil yang baik.

Adalah dijangka bahawa Pejabat Pertanian Negeri akan menjalankan satu lagi perchobaan sademikian di Pusat Pertanian di Birau.

× PEMBUKAAN SEKOLAH2 BAHARU OLEH DYMM SULTAN

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin akan menyampornakan istiadat pembukaan rasmi enam buah Sekolah2 yang baharu dalam Daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong pada hari Ithnin dan Thalatha, 21 dan 22 May, 1956.

Sekolah2 itu ialah Sekolah Melayu Baru-Baru di Daerah Brunei; Sekolah2 Melayu Sinaut dan Penanjong di Daerah Tutong; dan Sekolah2 Melayu Puni dan Bukok di Daerah Temburong; serta Sekolah China di Tutong.

Duli Yang Maha Mulia Sultan akan tiba di Sinaut pada pukul 10 pagi hari Ithnin 21 May dan mengishtiharkan pembukaan rasmi bangunan Sekolah itu setelah Duli Yang Maha Mulia memeriksa barisan kehormatan terdiri dari Murid2 Sekolah dan mengambil bahagian dalam Istiadat menaikkan bendera.

Sasudah dilansongkan upacara tersebut, Duli Yang Maha Mulia akan menghadziri Majlis Jamuan Teh di Sekolah itu dalam mana ucapan2 akan diperdengarkan oleh Duli Yang Maha Mulia, oleh Wakil dari Pejabat Pelajaran, Brunei dan oleh Guru Besar Sekolah itu.

Istiadat pembukaan rasmi Sekolah Melayu Sinaut akan diamatkan dengan upacara menanam sebuah pohon kelapa yang kecil oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei untuk membuat peringatan hari yang bersejarah itu.

Salepas melakukan istiadat pembukaan rasmi Sekolah Melayu tersebut, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan berangkat ke Penanjong untuk menyampornakan istiadat pembukaan rasmi bangunan Sekolah Melayu Penanjong.

Orang2 Kampong dan para jemputan yang lain akan hadir mulai pada pukul 10.30 pagi dan Duli Yang Maha Mulia Sultan akan tiba pada pukul 11.30 pagi serta disambut oleh Guru Besar Sekolah itu. Murid2 Sekolah akan terus memberi kehormatan kepada Duli Yang Maha Mulia dan salepas itu Guru Besar Sekolah akan mengenalkan Ahli2 Jawatan Kuasa Sekolah kepada Duli Yang Maha Mulia.

Istiadat pembukaan rasmi Sekolah Melayu Penanjong itu akan dimulakan pada pukul 11.50 pagi dan sasudah itu Duli Yang Maha Mulia Sultan akan bertitah, diturut dengan ucapan2 oleh Wakil dari Pejabat Pelajaran dan oleh Guru Besar sekolah itu; serta bacahan do'a selamat oleh Dato' Haji Md. Yusuf. Istiadat itu akan diamatkan dengan mengadakan jamuan ringan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan berangkat ke Sekolah China Chung Hwa di Tutong salepas tamat istiadat tersebut. Sekolah China itu telah dibangunkan dengan perbelanjaan sebanyak \$ 40,000 dan separoh dari perbelanjaan itu telah diberi oleh Kerajaan Brunei.

Bedil akan dipasangkan pada masa Duli Yang Maha Mulia tiba dihadapan Sekolah itu. Sasudah Duli Yang Maha Mulia memotong tali pita bagi mengishtiharkan pembukaan bangunan Sekolah itu, murid2 akan menyanyikan Lagu Sekolah mereka.

Upacara tersebut akan diamatkan dengan memperdengarkan titah dari Duli Yang Maha Mulia, ucapan dari Pegawai Daerah Tutong dan oleh lain2 yang berkenaan, dan diturut dengan mengadakan Majlis Jamuan.

Sekolah itu akan ...

Sekolah itu akan mengadakan Sandiwara mulai pada pukul 7.30 malam hari tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Sultan akan berangkat ka Baru-Baru pada pagi hari Thalatha 22 May. Istiadat pembukaan rasmi bangunan Sekolah Melayu Baru-Baru akan dijalankan pada pukul 9.10 pagi dan diturut dengan mengadakan jamuan ringan.

Duli Yang Maha Mulia akan berangkat dari Baru-Baru ka Puni pada pukul 10 pagi dengan kapal "Muara".

Istiadat pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah Melayu Puni akan dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia pada pukul 12.45 tengah hari, diturut dengan jamuan makan.

Duli Yang Maha Mulia akan berangkat ka Bukok pada pukul 1.30 petang dan sampai disana satu jam kemudian. Istiadat pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah Melayu Bukok akan dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan pada pukul 2.40 petang dan selepas itu akan diadakan jamuan minuman teh.

Baginda akan balek ka Brunei pada pukul 3.30 petang dan sampai di Brunei kira2 pada pukul 7.30 malam.

NASEHAT KAPADA ORANG2 YANG MASEH BERUBAT DI

RUMAH SAKIT

Beberapa banyak orang2 sakit yang berubat di rumah sakit tidak tinggal chukop lama untuk menyemboh penyakit mereka di rumah sakit itu. Dalam kebanyakan perkara2, hal sademikian adalah merosakkan kesehatan orang sakit. Berlebi2 lagi kalau ia mengidap penyakit batok kering, kesakitannya akan bertambah2 berat lagi.

Tidak berapa lama satelah keluar dari rumah sakit, beberapa orang yang telah mengidap penyakit batok kering telah kembali berjumpa dengan tabib di rumah sakit kerana penyakit mereka bertambah berat. Apakala sasaorang yang telah mengidap penyakit batok kering keluar dari rumah sakit, penyakitnya itu akan merebak diantara keluarganya dan orang2 yang tinggal berhampiran dengan rumahnya.

Pejabat Perubatan tidaklah dapat hendak memberi perubahan yang tertentu kapada orang yang mengidap penyakit batok kering sebagaimana tersebut sakiranya ia tidak menerima sebarang nasehat daripada tabib di rumah sakit. Oleh itu, hendaklah orang sakit itu mengikut nasehat yang diberi oleh tabib mengenai perkara bilakah masanya yang ia boleh keluar dari rumah sakit dan balek ka rumahnya dan lain2 nasehat yang diberi oleh tabib.

Orang2 ramai adalah diberi nasehat supaya memberi pertolongan kapada Pejabat Perubatan mengenai perkara tersebut, dan sakiranya mereka mendapat ketahuai bahawa ada diantara keluarga mereka yang maseh berubat di rumah sakit dan hendak balek ka rumahnya dengan tidak mengikut nasehat dari tabib, maka hendaklah orang sakit itu diberi nasehat supaya berubat di rumah sakit sahingga masanya yang tabib itu fikirkan perlu.

Jikalau nasehat tersebut diikuti, tidaklah shak lagi bahawa beberapa banyak orang akan dapat diselamatkan daripada mengidap penyakit batok kering yang merbahaya itu.

PINJAMAN2 PERKEMBANGAN NEGERI BRUNEI

Penduduk2 dalam Negeri Brunei membelanjakan beribu2 ringgit pada tiap2 tahun bagi menjalankan perusahaan2 yang baharu dan kebanyakan daripada perbelanjaan itu diperolehi daripada wang yang diberi pinjam oleh Kerajaan Brunei dari Wang2 Pinjaman Perkembangan.

Pada tiap2 tahun Kerajaan Brunei menyediakan taksiran pinjaman2 yang akan diberi kepada orang2 ramai yang dinamakannya " Pinjaman Perkembangan ". Pada tahun 1955, Kerajaan telah menctapkan taksiran pinjaman itu sebanyak " 300,000 dan pada tahun ini Kerajaan telah menambah lagi taksiran sebanyak \$ 200,000 iaitu menjadikan jumlahnya sebanyak \$500,000.

Kerajaan Brunei mempunyai penoh keperchayaan bahawa sa- kiranya Negeri ini hendak maju dan so'al kedudukan penduduk2 Negeri beroleh dengan bertambah2 baik, mereka haruslah di- beri pinjaman wang untuk memajukan perniagaan2 dan perusaha- an2 masing2, menekala pihak Kerajaan pula samentak beberapa tahun yang lalu telah menyediakan wang untuk diberi pinjam kepada orang2 ramai dengan bayaran keuntungan yang sabarapa rendah, mengikut chara2 pinjaman yang dikahendakki itu.

Sungguh pun bagitu, Kerajaan Brunei akan hanya memberi pinjaman wang untuk perusahaan2 yang akan memberi faedah ka- pada Negeri ini dan juga untuk perniagaan kedai2 serta untuk membeli kenderaan2.

Sasudah tamat Peperangan Dunia Yang Kedua, Kerajaan Brunei telah memberi pinjaman wang sebanyak lebih daripada \$ 5,000,000 kepada penduduk2 Negeri ini untuk membangunkan kedai2 perniagaan supaya barang2 dapatlah dibahagikan ka- pada penduduk2 diseluruh Negeri ini.

Kedai2 perniagaan yang baharu itu telah dibangunkan di Bandar Brunei, Seria, Kuala Belait, Muara, Tutong dan Tem- burong. Kerajaan Brunei tidaklah akan membangunkan lagi Ke- dai2 perniagaan dan pihak yang berhutang dari Kerajaan sedang membayar wang yang mereka hutang itu.

Kebanyakan daripada orang2 yang berhutang dari Keraja- an ialah orang2 Melayu yang menjadi Warga Negara Brunei, dan adalah mengikut satu Dasar Kerajaan Negeri ini untuk mengga- lakkan orang2 Melayu memajukan perusahaan2 yang baharu dan juga perniagaan2 yang akan memberi kauntongan.

Kerajaan telah memberi pinjaman wang sebanyak lebih da- ripada \$ 34,000 kepada sebuah sharikat kepunyaan orang Melayu di Brunei, iaitu S.M. & Sons. Pihak Kerajaan juga telah me- nyediakan tambahan pinjaman wang untuk sharikat itu menerusi Bank.

Lain2 pinjaman telah diberi kepada peladang2 untuk mem- beli kerbau2 bagi menolong mereka dalam perusahaan menanam padi, dan sabilangan peladang2 juga telah diberi pinjaman bagi memajukan pemeliharaan binatang2 ternak, seperti ayam, itek dan lain2nya. Dalam perkara ini, anggota2 dari Pejabat Pertanian sentiasa memeriksa binatang2 ternak itu untuk menen- tukan bahawa binatang2 itu dipelihara dengan baik.

Selain daripada perkara2 tersebut, Kerajaan Brunei ju- ga telah memberi pinjaman wang kepada sebuah sharikat kepu- nyaan orang2 Islam yang telah ditubuhkan untuk menjual daging2 yang disimpan dalam peti2 sejuk di Kuala Belait, pinjaman wang kepada tukang2 perak untuk mengadakan sebuah bangunan

yang tetap,...

yang tetap, pertolongan memperbaiki semula kapal yang digunakan untuk membawa batu2 ka Kuala Belait serta pinjaman2 wang untuk tongkang2 dan jentera2 " Diesel ".

Pihak Kerajaan Brunei tidaklah juga ketinggalan memberi pertolongan kepada pekebun2 getah kechik sebanyak \$ 350 pada tiap2 ekar tanah untuk menanam getah semula dan \$ 175 pada tiap2 ekar tanah untuk menanam getah baharu dan juga pekebun2 getah kechik itu diberi biji2 getah dari jenis yang paling baik oleh Kerajaan Brunei.

Kerajaan Brunei juga perchaya bahawa penduduk2 di Kampong Ayer pun berasa sukar bagi menambahkan hasil perusahaan mereka. Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan kawasan2 penempatan semula di Berakas dan di Simpang Muara. Orang2 yang telah pindah dari tempat kediaman mereka yang asal ka kawasan2 penempatan semula itu diberi tanah dengan perchuma dan wang perchuma sebanyak \$ 405.

Pada masa permintaan untuk meminjam wang diterima oleh Kerajaan, permintaan itu dihalusi dengan saberaapa lanjut untuk menentukan bahawa perusahaan atau perniagaan orang yang meminta pinjaman wang itu akan berhasil dan mendapat kauntungan, serta juga orang itu bijak menjalankan perusahaan atau perniagaannya dan lain2 perkara yang dikahendakki oleh Kerajaan. Kemudian baharulah pinjaman wang itu akan diberi oleh Kerajaan Brunei kepada orang itu.

PEMBERIAN WANG DARI KERAJAAN KAPADA SEKOLAH2 DI BRUNEI

Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangannya pada 17 April, 1956 telah bersetuju diantaranya membenarkan pemberian wang dari Kerajaan sebanyak \$ 320,000 sebagai wang tambahan kepada Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei (Bahagian Lelaki) dan kepada Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Persidangan itu telah meluluskan beberapa ketetapan2 yang dikemukakan oleh Jawatan Kuasa Pcnasehat Pelajaran, iaitu memberi sebanyak \$ 20,000 kepada Sekolah China di Kuala Belait serta memberi pinjaman sebanyak \$ 20,000 lagi kepada Sekolah China itu untuk menyelesaikan pembinaan bangunan baharu sekolah itu.

Selain daripada itu, Kerajaan akan membeti sebanyak \$ 26,000 kepada 4 buah Sekolah2 China, iaitu sebanyak \$ 7,000 kepada Sekolah China di Seria; sebanyak \$ 3,000 kepada Sekolah China di Liang; sebanyak \$ 9,000 kepada Sekolah China di Labi dan sebanyak \$ 7,000 kepada Sekolah China di Tutong.

Kerajaan akan memberi wang tambahan sebanyak \$ 50,000 kepada Sekolah Inggeris Saint Michael di Seria dan \$ 50 pada tiap2 bulan kepada Sekolah S.P.G. di Kuala Belait. Pemberian wang bulanan kepada sekolah itu akan dimulai pada tarikh yang ditetapkan oleh Penguasa Pelajaran Negeri Brunei.

ISTIADAT BERBARIS MENYAMBUK HARI JADI BAGINDA QUEEN

Istiadat Berbaris kerana menyambut Hari Jadi Baginda Queen Elizabeth II akan dilansongkan dihadapan Pejabat2 Kerajaan di Bandar Brunei mulai pada pukul 8 pagi, 31 May, 1956. DYMM Sultan Brunei dan Yang Berhormat British Resident Brunei akan turut hadir ditemasha itu.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No.6)

Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei telah berjalan kuat kuasanya mulai 1 haribulan February tahun ini dan Undang2 ini telah kita siarkan mulai keluaran PELITA BRUNEI bilangan yang kedua.

Undang2 yang baharu ini didasarkan kepada sabuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya dalam sabuah Negeri di Persekutuan Tanah Melayu, telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei. Berbagai2 perkara telah diubahkan dari Undang2 yang asal itu oleh pehak yang berkuasa Negeri ini supaya Undang2 itu bersesuaian dengan keadaan dalam Negeri Brunei.

Pada keluaran yang lalu kita telah menyiarkan perkara2 berhubung dengan Undang2 tersebut, diantaranya ialah mengenai Sembahyang Juma'at; Minum minuman yang memabokkan; Makan, minum dan sebagainya dalam bulan Puasa pada siang hari; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama; Perkara mengenai membangun Masjid; Kegunaan Ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama; Lantekan Penguasa2 Ugama; Lantekan Mufti; Petua2; Jawatan Kuasa Kehakiman; Jawatan Kathi Besar Negeri Brunei; Mahkamah Kahti Besar; Permohonan mengulang bichara; Pengesah Wasiat; Bahasa yang digunakan didalam Mahkamah2 Kathi dan lain2 perkara.

Dibawah ini kita siarkan lagi sambongan berhubung dengan Undang2 Ugama tersebut :-

Hendaklah Majlis Ugama mengadakan satu daftar Pegawai2 Masjid daripada tiap2 Masjid dalam Negeri Brunei dan hendaklah tanggungan bagi tiap2 Pegawai Masjid dengan segeranya memberi tahu kepada Majlis Ugama sekiranya berlaku sebarang kekosongan atau pertukaran mengenai jawatan tersebut.

Jawatan Kuasa Majlis Ugama adalah bertanggung jawab apabila didapati mana2 jawatan Imam kosong; menyiasat kerana membuat perlantikan yang baharu memenohi jawatan yang kosong itu.

Suatu pilehan hendaklah diadakan didalam Mukim Masjid itu dan orang2 lelaki yang beragama Islam yang sudah dewasa dan juga lazimnya tinggal dikawasan Mukim Masjid tersebut, berhak mendaftarkan sebagai pengundi2. Hanya orang2 yang dipilih oleh Jawatan Kuasa tersebut berhak bertanding sebagai chalun2.

Apabila Majlis Ugama telah terpuas hati diatas pilehan mana2 orang dengan mengikut syarat2 yang tersebut, hendaklah menyampaikan nama orang itu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei berserta dengan shur2nya supaya orang itu dilantek memenohi jawatan yang kosong itu.

Kemudian bolehlah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei melantek mana2 orang yang layak dan menasabah menjadi Imam yang baharu.

Tiap2 orang yang dilantek menjadi Imam, hendaklah diberi tauliah mengandongi Chap Mohor Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

(B E R S A M B O N G)

KAPAL PERANG TENTERA LAUT DIRAJA BRITISH H.M.S. DAMPIERMELAWAT BRUNEI

H.M.S. Dampier, iaitu sebuah kapal perang Tentera Laut Diraja British dari Pusat Timor Jauh telah melawat Brunei pada bulan yang lalu dan berlaboh dilaut berhampiran Seria. Saminggu kemudian ia telah belayar ka Jesselton, Borneo Utara.

Kapal perang itu telah sekali lagi melawat Borneo dan akan berada dilaut2 Borneo selama dua atau tiga bulan. Dalam masa itu ia akan menjalankan pekerjaan mengukur dalamnya perayaran2 di pelabuhan2 dan dikawasan2 pantai Brunei, serta juga menyediakan peta2 menunjukkan dalamnya perayaran2 tersebut.

Adalah diperchayai bahawa sabilangan kawasan laut di Brunei telah menjadi lebih dalam lagi daripada masa yang lalu dan sabilangan pula kawasan telah menjadi sebaleknya. Di harapkan bahawa peta2 dan keterangan yang disediakan oleh kapal perang itu akan memberi bantuan yang besar kepada kapal2 yang menggunakan Brunei.

Kapal perang itu akan menjalankan pekerjaan mengukur dalamnya ayer di Pelabuhan Muara dan di Simpson Channel berhampiran Pulau Chermin pada masa ia berlaboh di Brunei.

JAMBATAN2 YANG BAHARU DI BRUNEI

Kerajaan Brunei telah mengeluarkan tawaran2 mempelawa-kan juru2 tera ("Engineers") untuk membina dua buah jambatan melalui Sungei Tutong dan Sungei Telamba berdekatan Danau. Jambatan2 ini dikahendakki menyambungkan jalan raya diantara Brunei dan Kuala Belait supaya tidaklah payah kenderaan2 menggunakan kapal ferry sebagaimana yang sedang dijalankan pada masa ini.

Dalam masa dua minggu yang lalu, beberapa banyak juru2 tera yang bijak dalam perkara membina jambatan2 telah melawat Negeri ini untuk memeriksa tempat yang akan dibinakan jambatan2 itu supaya dapatlah mereka menyampaikan chontoh bentok jambatan2 mereka kepada Kerajaan. Kemudian Kerajaan akan memilih chontoh yang baik sekali dan sharikat yang membuat chontoh itu akan dikahendakki membinakan jambatan2 itu.

Selain daripada jambatan2 tersebut di Danau, beberapa jambatan2 lain akan juga dibinakan melalui Sungei Tongkadeh di Gadong Estate. Kerajaan sudah pun membeli kebun itu dimana akan dibangunkan beberapa buah rumah kediaman.

Sabuah lagi jambatan akan juga dibina selari dengan Jambatan Clifford yang ada sekarang ini kerana jambatan itu sangatlah sempit untuk digunakan lagi dengan bertambah2 banyaknya kenderaan di Brunei. Adalah dijangka bahawa apabila siap sahaja jalan raya diantara Kuala Belait dan Brunei beberapa banyak lagi kenderaan2 akan menggunakan Jambatan Clifford yang baharu itu.
